



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PENGGAJIAN DAN PENGGAJIAN SEMULA PEKERJA ASING DAN PEGAWAI DAGANG

1. **PUTRAJAYA** – Merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh The Centre for Market Education (CME), Kementerian Sumber manusia (KSM) ingin menjelaskan tentang kebimbangan yang timbul berkaitan dengan pengajian dan pengajian semula pekerja asing dan pegawai dagang.
2. KSM menyedari sepenuhnya keperluan pengambilan pekerja asing atau pegawai dagang untuk industri tertentu atau jawatan utama tertentu, dan sama sekali tidak akan menolak permohonan majikan sekiranya terdapat justifikasi kukuh bahawa jawatan tersebut perlu diisi oleh bukan warganegara.
3. Rasional di sebalik syarat wajib untuk membuat hebahan kekosongan jawatan di portal pekerjaan nasional KSM, MYFutureJobs untuk tempoh sekurang-kurangnya 30 hari timbul daripada mandat Kerajaan untuk **memudahkan pengambilan bakat tempatan dan memastikan pencari kerja tempatan diberi keutamaan untuk apa-apa peluang pekerjaan.**
4. Majikan diminta untuk mengadakan temuduga bagi menilai kesesuaian calon tempatan untuk jawatan yang diiklankan sebagai pra-syarat dalam memohon pekerja asing atau pegawai dagang. **Majikan boleh mengadakan temuduga sama ada di premis majikan, sewaktu temuduga terbuka mingguan anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di pejabat-pejabat PERKESO ataupun di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di seluruh negara.**
5. **Pihak KSM tidak akan mencampuri urusan sesi temuduga tersebut.** Majikan hanya perlu melaporkan hasil daripada temuduga yang dijalankan bagi menyokong permohonan untuk menggajikan pekerja asing atau pegawai dagang.

6. Majikan juga **boleh menggunakan platform dan saluran lain selain daripada portal MYFutureJobs untuk mendapatkan bakat tempatan.**
7. KSM ingin menegaskan bahawa adalah tidak wajar untuk melihat langkah ini sebagai faktor yang akan menjejaskan aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara ini. Sebaliknya, ia **merupakan langkah positif yang berpotensi untuk meningkatkan FDI di masa hadapan.**
8. Banyak kelebihan jika menggajikan pekerja tempatan di kalangan bakat-bakat tempatan yang berpengalaman dan kompeten di pasaran. Selain daripada memahami bahasa dan budaya berbilang kaum di Malaysia, mereka juga memahami pasaran tempatan, mempunyai jaringan kenalan perniagaan tempatan serta mempunyai kelebihan dalam berinteraksi dengan pelanggan dan memotivasikan pekerja tempatan. Kemahiran ini juga amat berguna sekiranya majikan merancang untuk mengembangkan operasi ke rantau Asia.
9. Di samping itu, majikan dapat memanfaatkan **Insentif Pengambilan Pekerja PENJANA** sekiranya menggajikan pekerja tempatan. Majikan tidak hanya layak untuk mendapat insentif sehingga RM1,000 bagi setiap pekerja sehingga tempoh 6 bulan, tetapi juga berpeluang meningkatkan kemahiran bakat-bakat tempatan atau memberi kemahiran lain menerusi kursus-kursus yang berkaitan daripada 5,000 kursus yang ditawarkan, tanpa mengeluarkan sebarang kos. Pendekatan ini jelas merupakan **situasi menang-menang bagi pencari kerja tempatan dan majikan, termasuk syarikat multinasional di Malaysia.**
10. Pihak berkepentingan utama, khususnya majikan dan pertubuhan yang berkaitan diseru untuk bekerjasama dengan Kerajaan dalam menyokong pengambilan pekerja dari kalangan rakyat tempatan, terutamanya dalam tempoh yang mencabar ini. Kerajaan juga amat prihatin dengan **kadar pengangguran di negara ini terutama apabila lebih kurang 300,000 graduan baru memasuki pasaran pekerjaan tahun ini.**

11.KSM akan mengeluarkan Soalan-Soalan Lazim (FAQs) dan Garis Panduan Permohonan mengenai langkah ini sebelum 1 November 2020. Sesi libat urus akan diadakan secara meluas untuk majikan dan kesatuan majikan bagi memberi penerangan mengenai proses tersebut.

12. Untuk maklumat lebih lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan pekerjaan dan juga portal MYFutureJobs, sila hubungi agensi KSM, PERKESO, di talian **03-8091 5300**.

**DATUK SERI M. SARAVANAN**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**29 Oktober 2020**